

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN
YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat sebarang usaha untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan merendahkan had umur ahli Dewan Negara untuk membenarkan representasi golongan belia sebagai Senator di dalam Dewan Negara.

**JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 47, Perlembagaan Persekutuan mengenai kelayakan menjadi ahli Parlimen menyatakan bahawa, "*Tiap-tiap warganegara yang bermastautin di Persekutuan layak menjadi ahli-- (a) Dewan Negara, jika dia berumur tidak kurang daripada tiga puluh tahun;*".

Sehubungan itu, Kerajaan akan meneliti mengenai cadangan merendahkan umur ahli Dewan Negara untuk membenarkan representasi golongan belia sebagai Senator di dalam Dewan Negara. Ini adalah selaras dengan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta 668] yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Julai 2019 yang antara lain melibatkan penurunan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun yang sedang dalam proses transisi dan akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 31 Disember 2021. Sekian, terima kasih.